

U GB 09-11 00155 BH145

RAH

SISTEM PERTADBIRAN MARA KEKAL
UMNO - Mahathir

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa sistem pertadbiran MARA tidak perlu diubah sungguhpun ada cadangan organisasi itu ditadbir orang politik.

Perdana Menteri berkata, sistem pertadbiran sektrang yang merupakan tugas bersama antara golongan profesional dan politik berjalan dengan baik.

Semasa bercakap pada persidangan akhbar pada akhir hari kedua Perhimpunan Agung UMNO di sini, beliau berkata, jika pertadbiran dijalankan sepenuhnya oleh orang politik tanpa mengikut peraturan pertadbiran, sebarang penyelewengan sukar dikesan dan diambil tindakan.

+Bahkan kerajaan sendiri bukan mentadbir secara terasing dari pada pertadbiran para pegawai tadbir, +katanya bagi mengulas cadangan seorang perwakilan supaya MARA ditadbir orang politik ketika membahaskan usul mengucapkan terima kasih terhadap ucapan dasar Presiden.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jika adapun masalah dalam pertadbiran MARA sekarang, ia boleh diselesaikan tanpa perlu membelakangkan sistem yang ada sekarang. -- Lagi .

♥09/11/19-12MST

CNS0865

U GB 09-11 00119 BH146

RAH

UMNO - Mahathir 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Katanya, walaupun organisasi itu tidak ditadbir orang politik namun masih ada pengaruh politik untuk menentukan kepentingan rakyat diambil kira manakala cara pengurusan berjalan tertib mengikut peraturan.

+Ahli-ahli politik adalah ahli-ahli politik dan bukan ahli pertadbiran. Urusan pertadbiran kita peruntukkan kepada pertadbir, +katanya.

Mengenai dakwaan penyelewengan yang dilakukan kerajaan Parti Bersatu Sabah, Perdana Menteri berkata, tindakan akan diambil sekiranya ada perkara-perkara yang menyalahi undang-undang.

Ketika diminta menjawab beberapa soalan mengenai perkara-perkara yang dihangkitkan pada perbincangan hari ini termasuk Majlis Peguam dan isu raja-raja, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau akan menjawab perkara-perkara itu dalam ucapan penangguhan pada hari akhir perhimpunan esok. -- Bernama .

♥09/11/19-13MST